

CNS8734

R GB 21-07 00191 BC292

bah

Mahathir - Sumber

RAKYAT PERLU MENGGUNAKAN IDEA UNTUK EKSPLOIT SUMBER ALAM

TPOH, 21 Julai (Bernama) -- Malaysia perlu mempunyai kumpulan rakyat yang memiliki idea di samping cekap, pintar dan jujur untuk mengeksploitasi segala sumber alam bagi membangunkan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, walaupun keamanan merupakan faktor penting kerana ia memudahkan proses pembangunan tetapi pembangunan sumber manusia juga perlu diberi penekanan bagi mencapai kemajuan.

"Kita perlu kepada kumpulan seperti pentadbir yang cekap, jujur serta mempunyai idea dan pihak swasta yang pintar dan mempunyai idea yang boleh membangunkan ekonomi negara," katanya pada majlis jamuan negeri di sini malam ini meraikannya sempena lawatan rasmi dua hari ke Perak mulai hari ini.

Kelebihan sesebuah negara ialah kekayaan sumber alamnya dan oleh itu, negara memerlukan kumpulan rakyat yang mempunyai idea, imej dan pemikiran yang boleh menukar kekayaan sumber alam itu kepada kebaikan yang boleh dimanfaatkan, katanya.

Dr Mahathir berkata, jika Malaysia terus bergantung kepada sumber alam seperti timah semasa ia mendapat pasaran yang baik, maka sudah pasti negara akan miskin akibat kejatuhan harga komoditi itu sekarang. -- Lagi

▼21/07/23-22MST

CNS8735

R GB 21-07 00139 BC293

bah

Mahathir - Sumber 2 Ipoh

"Tetapi Alhamdulillah, sebelum pasaran timah jatuh kita telah beralih kepada pembangunan industri," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, hasil pandangan jauh dan kerjasama yang terjalin antara golongan pentadbir dan pihak swasta dalam "Persyarikatan Malaysia", Malaysia telah berjaya mewujudkan sektor perindustrian dan terus maju.

Beliau berkata, rakyat tidak harus dikongkong oleh kepercayaan perlu terus bergantung kepada sumber semula jadi kerana sikap seumpama itu menyebabkan rakyat dan negara ketinggalan.

Menurutnya, Malaysia boleh berjaya tanpa sumber semula jadi selagi rakyat bersikap sederhana dalam pemikiran, suka berbaik-baik dan bertindak dengan cara yang menguntungkan.

Beliau berkata, adalah lebih baik tumpukan kepada kekayaan yang boleh diagihkan di kalangan rakyat daripada terlalu bergantung kepada sumber alam yang sedia yang jumlahnya sedikit dan akhirnya rakyat bersengketa sesama sendiri. -- Lagi

▼21/07/23-23MST

CNS8736

R GB 21-07 00137 BC294

bah

Mahathir - Sumber 3 Ipoh

Dr Mahathir berkata, rakyat juga perlu mengekalkan hubungan baik yang sedia terjalin antara kaum sehingga dapat membangunkan negara dan membuhkan kerajaan yang disertai oleh pelbagai kaum.

Rakyat tidak seharusnya leka kerana kejayaan ini bukan dicapai dengan mudah tapi diusahakan, kerana jika silap perbitungan kejayaan itu akan lenyap dari bumi Malaysia ini, kata beliau.

Menurutnya, kejayaan Malaysia menyatu-padukan rakyat pelbagai kaum ke arah pembangunan sangat dikagumi oleh negara lain dan ini menjadikan Malaysia terkenal pada peringkat antarabangsa.

"Kita perlu merendah diri, dan beringat kerana kelalaian dalam bertindak akan memudahkan pihak tertentu merosakkan negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, hakikatnya ialah jika rakyat tidak berusaha, kejayaan yang dinikmati sekarang akan hilang seperti dialami oleh negara yang pernah menjadi 'empayar'. -- Lagi

▼21/07/23-25MST

CNS8737

R GB 21-07 00103 BC296

bah

Mahathir - Sumber 4 (akhir) Ipoh

Beliau berkata, kerajaan berhasrat melahirkan masyarakat yang berakhlak lagi maju menjelang tahun 2020.

Menurutnya, matlamat kerajaan melalui Wawasan 2020 merupakan matlamat yang agak munasabah bagi meletakkan asas untuk generasi akan datang ke arah kemajuan.

Beliau berkata, Wawasan 2020 bukan untuk kepentingan generasi yang ada sekarang tetapi bagi memastikan masa depan negara dan generasi akan datang terus maju.

Beliau menggesa rakyat terus berusaha dan tidak akan menimbulkan masalah kerana menifutnya, "Orang lain tidak akan menghormati kita jika kita tidak berjaya." -- Bernama

MUS JO FAZ